



**TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN KOPERASI SEMASA PENULARAN PANDEMIK  
COVID-19**

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

## **TATACARA PELAKSANAAN MESUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI SEMASA PENULARAN PANDEMIK COVID-19**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
-----------	------------

### **BAHAGIAN I: PENGENALAN**

1. Tujuan	1
2. Tafsiran	1
3. Latar Belakang	2
4. Kehendak Perundangan	3

### **BAHAGIAN II : PELAKSANAAN MESUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI**

5. Mekanisme Pelaksanaan	4
6. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi	5
7. Kuorum Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi	6
8. Pengundian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi	7
9. Pengendalian Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi	8
10. Pemakaian	12

# **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

## **TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI SEMASA PENULARAN PANDEMIK COVID-19**

---

### **BAHAGIAN I PENGENALAN**

#### **1. Tujuan**

Menetapkan Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Semasa Penularan Pandemik COVID-19 sebagai kaedah yang perlu dipatuhi oleh semua koperasi bagi pelaksanaan mesyuarat agung tahunan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tatacara ini merangkumi pelaksanaan mesyuarat agung secara maya sepenuhnya (*virtual*) atau gabungan (*hybrid*) di antara maya dan mesyuarat secara fizikal.

#### **2. Tafsiran**

Dalam tatacara ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)” ertinya pelaksanaan mesyuarat agung tahunan koperasi di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502].

“*Hybrid*” ertinya kaedah pelaksanaan MAT secara gabungan di antara maya dan mesyuarat secara fizikal dengan kehadiran anggota. Mesyuarat yang sama juga disiarkan dalam talian dan anggota diberi pilihan untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat secara bersemuka atau dalam talian.

“Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)” ertinya perintah kawalan pergerakan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

“Virtual” ertinya pelaksanaan MAT secara maya sepenuhnya iaitu dalam talian tanpa melibatkan tempat pertemuan fizikal Lembaga, pengurusan dan anggota koperasi. Lokasi dalam melaksanakan MAT secara maya sepenuhnya hanyalah tempat penyiaran atau *broadcast venue*.

“Broadcast venue” ertinya tempat penyiaran yang dihadiri oleh pengurusi MAT hadir secara fizikal dan individu lain bagi memastikan mesyuarat agung yang diadakan secara maya sepenuhnya dapat dijalankan dengan lancar.

### **3. Latar belakang**

- 3.1 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengklasifikasikan wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 12 Mac 2020 akibat daripada peningkatan jumlah kes yang semakin ketara di seluruh dunia. Selaras dengan itu, beberapa arahan telah dikeluarkan oleh Kerajaan agar semua perhimpunan termasuk segala mesyuarat ditangguhkan atau dibatalkan bagi suatu tempoh tertentu sebagai langkah pencegahan penularan pandemik COVID-19. Namun arahan Kerajaan ini adalah tertakluk kepada situasi semasa penularan COVID-19 di negara ini melalui hebahan umum.
- 3.2 Penularan pandemik COVID-19 dan tempoh PKP telah mengubah cara kehidupan biasa dan perniagaan. Bagi koperasi, ia memberi kesan kepada perjumpaan di antara koperasi dan anggotanya termasuklah pelaksanaan MAT.
- 3.3 Tatacara ini merupakan suatu kaedah pengendalian MAT semasa penularan pandemik COVID-19 bagi memastikan usaha Kerajaan untuk meneruskan usaha menangani penularan pandemik ini berjaya.

#### **4. Kehendak Perundangan**

- 4.1 Subseksyen 39(1) Akta 502 menetapkan tiap-tiap koperasi hendaklah mengadakan mesyuarat agung tahunan anggota atau perwakilannya tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya Koperasi).
- 4.2 Sekyen 37 Akta 502 menetapkan tiap-tiap koperasi yang kawasan operasinya meliputi satu Negeri, meliputi dua Negeri atau lebih atau meliputi seluruh Malaysia agar mesyuarat agung wilayah atau kawasan memilih perwakilan untuk hadir ke mesyuarat agung perwakilan tahunan.

## **BAHAGIAN II**

### **PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI**

#### **5. Mekanisme pelaksanaan**

- 5.1 MAT merupakan forum bagi anggota-anggota koperasi untuk mengetahui dan menilai pengurusan dan prestasi koperasi sejak setahun yang lalu. Anggota-anggota koperasi juga boleh menegur, mengawal dan mengambil tindakan yang perlu jika wujud sebarang kelemahan, kesalahan, pertikaian dan penyelewengan dalam koperasi. Subseksyen 39(1) Akta Koperasi 1993 mengkehendaki setiap koperasi mengadakan MAT dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan.
- 5.2 Bagi membendung penularan pandemik COVID-19, semua koperasi diberikan pengecualian di bawah subseksyen 87(1) Akta 502 daripada mengadakan MAT anggota atau perwakilannya menurut subseksyen 39(1) Akta 502 semasa tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020. Walau apa pun, koperasi masih tertakluk kepada subseksyen 39(1) Akta 502 untuk mengadakan MAT dalam tahun kalender 2021. Oleh itu, koperasi dibenarkan untuk mengadakan dan mengendalikan MAT dalam tahun 2021 sama ada secara *virtual*, *hybrid* atau fizikal selaras dengan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, GP14: Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi, Undang-Undang Kecil Koperasi dan Panduan Am.
- 5.3 Bagi pelaksanaan MAT secara *virtual* atau *hybrid*, koperasi hendaklah memastikan semua infrastruktur penggunaan teknologi adalah stabil dan *user friendly* tanpa sebarang gangguan. Anggota juga hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan infrastruktur mesyuarat dalam talian berkeadaan yang baik sekiranya mereka memilih untuk hadir mesyuarat agung secara maya.

## **6. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi**

- 6.1 Koperasi hendaklah mengeluarkan notis mesyuarat agung sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh mesyuarat agung. Koperasi hendaklah menyatakan kaedah pelaksanaan mesyuarat agung sekiranya diadakan secara *virtual* atau *hybrid*. Koperasi dibenarkan untuk mengeluarkan notis MAT secara elektronik kepada anggotanya. Satu (1) salinan notis hendaklah disampaikan kepada Suruhanjaya Koperasi di bawah seksyen 41 Akta 502, juga dibenarkan secara elektronik.
- 6.2 Anggota boleh mengemukakan apa-apa usul sebelum mesyuarat agung diadakan dalam tempoh dan kaedah yang ditetapkan oleh koperasi dan berpandukan kepada GP14, sama ada melalui elektronik atau pos. Usul yang dikemukakan yang di luar daripada bidang kuasa pengurusan koperasi hendaklah didengar, dipertimbang dan diputuskan di MAT. Lembaga koperasi tidak mempunyai kuasa untuk menolak atau menahan sebarang usul yang diterima daripada dibentang dalam MAT kecuali jika didapati usul tersebut bertindih.
- 6.3 Bagi pelaksanaan MAT dengan kaedah *virtual*, notis mesti menyatakan *broadcast venue* sebagai tempat mesyuarat. Di samping itu, notis hendaklah memaklumkan platform dalam talian yang digunakan untuk MAT bagi memastikan anggota mempunyai akses melalui pautan kepada mesyuarat tersebut. Koperasi diingatkan supaya memberi panduan kepada anggotanya mengenai syarat dan kaedah untuk mengambil bahagian dalam MAT menggunakan platform dalam talian yang dipilih.

## **7. Kuorum Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi**

- 7.1 Koperasi hendaklah memastikan bahawa kehadiran anggota koperasi ke mesyuarat agung yang diadakan menepati kuorum seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Anggota koperasi yang menghadiri mesyuarat agung secara *virtual* atau *hybrid* tetap dianggap sebagai sebahagian daripada kuorum MAT.
- 7.2 Pengurangan kuorum hanya diberikan sekiranya koperasi membuat pindaan undang-undang kecil. Sesuatu mesyuarat agung tahunan yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh MAT yang ditetapkan itu.
- 7.3 Bagi MAT yang dikendalikan secara *virtual* atau *hybrid* yang melibatkan penyertaan anggota dalam talian, kuorum mesyuarat boleh ditentukan melalui bilangan anggota yang *log masuk* pada awal mesyuarat. Namun, koperasi hendaklah juga memastikan anggota dapat mengambil bahagian sepenuhnya sehingga ke hujung mesyuarat. Petugas khas hendaklah dilantik mencatat kehadiran anggota yang hadir dalam mesyuarat.

## **8. Pengundian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi**

- 8.1 Bagi MAT yang dikendalikan secara *virtual* atau *hybrid* yang melibatkan penyertaan anggota dalam talian, proses pengundian dalam talian boleh dilakukan bagi anggota memberikan undian yang tepat pada waktunya mengikut agenda yang bersesuaian semasa mesyuarat diadakan. Kaedah pengundian hendaklah ditetapkan oleh koperasi dan dimaklumkan terlebih dahulu kepada semua anggota yang menyertai mesyuarat tersebut.
- 8.2 Bagi koperasi yang bercadang untuk mengadakan undian suara, mekanisme sesuai mengenai perkara ini hendaklah disediakan dan melantik pemeriksa bagi tujuan pengesahan ke atas undian tersebut.

## **9. Pengendalian Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi**

- 9.1 Tatacara untuk koperasi mengadakan MAT dengan secara *virtual* adalah seperti berikut:
- (a) Koperasi hendaklah mengeluarkan dokumentasi yang diperlukan untuk menyokong perjalanan anggota ke *broadcast venue*;
  - (b) Kebenaran daripada Suruhanjaya Koperasi tidak diperlukan bagi anggota untuk hadir ke mana-mana *broadcast venue* yang ditentukan oleh koperasi;
  - (c) Koperasi hendaklah memastikan mesyuarat dijalankan dengan kuorum yang mencukupi; dan
  - (d) Anggota hendaklah mengambil bahagian dalam mesyuarat yang dilaksanakan secara dalam talian.
- 9.2 Mana-mana koperasi yang menjalankan MAT dengan kaedah *virtual* hendaklah turut memastikan—
- (a) Teknologi yang digunakan mampu menyokong pelaksanaan hak anggota untuk bersuara dan mengundi;
  - (b) Lokasi *broadcast venue* hendaklah di dalam Malaysia; dan
  - (c) Pengerusi mesyuarat boleh berada di *broadcast venue* atau mengendalikan mesyuarat secara dalam talian.
- 9.3 Koperasi hendaklah memastikan perkara berikut diambil tindakan bagi pelaksanaan MAT secara *virtual* -
- (a) memastikan terdapat infrastruktur yang bersesuaian dan selamat untuk membolehkan pelaksanaan mesyuarat termasuk kemudahan bagi anggota menggunakan hak mereka untuk bersuara dan memilih di mesyuarat itu;

- (b) memberi panduan kepada anggota mengenai syarat dan kaedah menyertai mesyuarat menggunakan platform yang dipilih;
  - (c) mengenal pasti *broadcast venue*;
  - (d) hanya anggota yang layak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat; dan
  - (e) mematuhi arahan, keselamatan dan keperluan pencegahan yang ditetapkan oleh Kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, dan pihak berkuasa lain yang berkaitan untuk mengekang penularan pandemik COVID-19.
- 94 Koperasi disyorkan untuk membekalkan anggota dengan nombor hubungan khusus dan/ atau e-mel untuk mengemukakan pertanyaan atau meminta bantuan teknikal untuk mengambil bahagian dalam MAT secara *virtual*.
- 95 MAT secara *hybrid* diadakan di tempat mesyuarat secara fizikal dengan kehadiran anggota. Mesyuarat yang sama juga disiarkan secara dalam talian dan anggota diberi pilihan untuk mengambil bahagian sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Tatacara untuk koperasi mengadakan MAT dengan kaedah *hybrid* adalah seperti berikut:
- (a) memastikan terdapat infrastruktur yang bersesuaian serta selamat untuk membolehkan pelaksanaan mesyuarat secara *hybrid* dilaksanakan termasuk anggota mempunyai hak untuk bersuara dan mengundi dalam mesyuarat itu;
  - (b) memberi panduan kepada anggota mengenai syarat dan kaedah menyertai mesyuarat dengan menggunakan platform yang disediakan;
  - (c) memastikan bahawa hanya anggota yang layak dapat hadir dan mengambil bahagian dalam mesyuarat;
  - (d) anggota yang ingin hadir secara fizikal di tempat mesyuarat dikehendaki membuat pendaftaran menjelang mesyuarat serta mengikuti arahan koperasi terutama dalam pengaturan yang diperlukan termasuk berkaitan dengan logistik;

- (e) menentukan sama ada tempat mesyuarat tambahan diperlukan menampung anggota mesyuarat; dan
  - (f) merujuk kepada GP14 serta mematuhi arahan, keselamatan dan pencegahan yang ditetapkan oleh Kerajaan, Kementerian Kesihatan, Majlis Keselamatan Negara Malaysia, dan pihak berkuasa lain yang relevan untuk mengekang penularan pandemik COVID-19.
- 9.6 Bagi MAT yang dijalankan dengan kaedah *hybrid*, koperasi hendaklah mengenalpasti mana-mana Lembaga dan pihak pengurusan untuk menghadiri mesyuarat sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Namun, pengerusi koperasi hendaklah hadir secara fizikal di tempat mesyuarat pada sepanjang masa mesyuarat diadakan kecuali beliau tidak boleh menghadiri mesyuarat secara bersemuka atas apa jua alasan. Begitu juga koperasi hendaklah mengenalpasti mana-mana Lembaga dan pihak pengurusan untuk berada di *broadcast venue* bagi menjayakan MAT secara *virtual*. Broadcast venue tersebut hendaklah mengambil kira pematuhan kepada Operasi Standard Prosedur (SOP) dan penjarakan fizikal anggota yang hadir. Anggota yang terlibat di dalam mesyuarat agung tahunan secara maya sepenuhnya akan mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut melalui capaian audio dan/atau video.
- 9.7 MAT secara fizikal dijalankan di tempat pertemuan bersemuka sahaja tanpa penglibatan daripada mana-mana anggota secara dalam talian. Jumlah anggota yang hadir secara fizikal di tempat perjumpaan bergantung kepada:
- (a) keluasan tempat;
  - (b) kemampuan anggota untuk mengekalkan fizikal jarak sekurang-kurangnya satu meter atau jarak yang ditentukan dari semasa ke semasa; dan
  - (c) mematuhi arahan, keselamatan dan keperluan pencegahan termasuk Operasi Standard Prosedur (SOP) seperti yang ditentukan oleh Kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia,

Majlis Keselamatan Negara, dan pihak berkuasa lain yang berkaitan untuk mengekang penularan COVID -19.

- 98 Pelaksanaan MAT sama ada secara *virtual*, *hybrid* atau fizikal, hak anggota untuk bercakap tidak terhad kepada komunikasi lisan sahaja iaitu dengan menggunakan suara. Hak berkomunikasi turut merangkumi mod ekspresi lain seperti taipan teks. Walau bagaimanapun, semua mod komunikasi mesti dinyatakan dengan jelas sebagai boleh diterima oleh koperasi semasa kaedah mesyuarat dinyatakan. Perkara ini adalah untuk memastikan bahawa sekiranya berlaku kesalahan teknikal dalam mod komunikasi utama, ianya boleh diaplikasikan dengan menggunakan kaedah lain yang ditetapkan. Berkaitan dengan taipan teks, koperasi disarankan untuk memaparkan soalan dan komen yang diajukan oleh anggota semasa mesyuarat supaya dapat dilihat oleh semua anggota mesyuarat.
- 99 Bagi kesemua kaedah pelaksanaan MAT sama ada secara *virtual*, *hybrid* atau fizikal, koperasi perlu membentang, membincang dan meluluskan kesemua agenda sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan- Peraturan Koperasi 2010 dan Undang-Undang Kecil Koperasi. Koperasi diingatkan untuk memastikan prosiding mesyuarat dan ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat dicatat dengan betul dan diserahkan kepada Suruhanjaya sebagaimana kehendak di bawah seksyen 14 Akta Koperasi 1993. Koperasi juga digalakkan untuk merakam (video dan rakaman audio) perjalanan mesyuarat bagi mengatasi sebarang perkara berbangkit.

## **10. PEMAKAIAN**

- 101 Tatacara ini digunakan untuk semua koperasi bagi penganjuran MAT dalam tempoh apa-apa perintah kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 102 Pelaksanaan MAT adalah selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, GP14: Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan Undang-Undang Kecil Koperasi dan dibaca bersekali dengan Perintah Koperasi (Pengecualian) 2020 [P.U.(A) 394].
- 103 Mana-mana klausa di dalam tatacara ini boleh dipinda selaras dengan keperluan semasa.
- 104 Pengendalian pengurusan mesyuarat agung tahunan koperasi semasa penularan pandemik COVID-19 sepetimana yang digariskan dalam Panduan Am berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam Arahan Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Semasa Penularan Pandemik COVID-19 dan tertakluk kepada arahan Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.
- 105 SOP Mesyuarat Agung Tahunan/Kawasan/Khas/Permulaan Gerakan Koperasi yang telah dikeluarkan sebelum ini dengan kelulusan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara hendaklah dijadikan sebagai panduan tambahan semasa pelaksanaan mesyuarat agung koperasi.



**(DATUK NORDIN BIN SALLEH)**  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia